

Bil. S 73

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH KESIHATAN AWAM (MAKANAN) (PINDAAN), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kesihatan Awam (Makanan) (Pindaan), 2000 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuatkuasa Perintah Darurat (Kesihatan Awam) (Makanan), 1998, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama.

Pindaan bab 2 dari S 17/98.

2. Bab 2 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam takrifan "Pengarah", dengan memotong "Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan" dan menggantikannya dengan "Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan".

Pindaan bab 13.

3. Bab 13 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (2), dengan memotong ", dan tiada pegawai makanan atau penganalisa makanan yang hadir sebagai pendakwa atau saksi, boleh" dan menggantikannya dengan "dan mana-mana pegawai makanan atau penganalisa makanan, yang hadir sebagai pendakwa atau saksi, tidaklah boleh".

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 25 haribulan Julai, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**